

‘Edgenta of the Future 2025’ Aspirasi UEM Edgenta ke Arah Pertumbuhan Dalam Industri Sokongan Penjagaan Kesihatan, Infrastruktur dan Teknologi

- Penambahan kontrak baharu dalam perniagaan komersial bahagian *Healthcare Support* bernilai lebih RM900 juta yang mewakili 65% daripada jumlah keseluruhan kontrak baharu Syarikat pada TK2020;
- Strategi penyusunan semula untuk merangsang pertumbuhan Syarikat agar terus cekap dan responsif, yang meliputi tumpuan terhadap kerjasama serantau, penyelesaian teknologi dan model perniagaan baharu;
- Penyelesaian digital Edgenta yang menampilkan produk berasaskan teknologi dan perkomputeran awan (*cloud-based*) akan dikomersialkan pada tahun ini.

KUALA LUMPUR, 1 Mac – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, telah mengumumkan visi ‘*Edgenta of the Future 2025*’ yang menggariskan aspirasi pertumbuhan Syarikat dalam industri sokongan penjagaan kesihatan, infrastruktur dan teknologi. Visi tersebut telah diumumkan pada sidang akhbar yang diketuai oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Syahrudin Samsudin, secara dalam talian hari ini.

“*Edgenta of the Future* adalah visi kami untuk memacu pertumbuhan Syarikat secara mampan dan menjana nilai untuk para pelanggan, pemegang saham serta pihak berkepentingan utama kami yang lain. Visi ini digariskan berdasarkan dua strategi utama iaitu, yang pertama adalah untuk melindungi dan mengekalkan kontrak semasa serta kerjasama jangka panjang dengan pelanggan; dan kedua, untuk menerajui fasa pertumbuhan berterusan melalui produk dan perkembangan pasaran baharu, serta memperkenalkan model perniagaan dan aliran pendapatan baharu,” katanya.

Syarikat baru-baru ini telah mengumumkan keputusan kewangannya bagi tahun yang berakhir 31 Disember 2020 (“TK2020”), dengan mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih dinormalisasi, masing-masing sebanyak RM2.0 bilion dan RM64.9 juta. Prestasi kewangan ini juga mengambil kira penurunan nilai “*one-off*” sebanyak RM50.0 juta pada separuh pertama TK2020 yang juga merupakan sebahagian daripada usaha penstrukturan semula dan merasionalisasikan perniagaan bukan teras Syarikat. UEM Edgenta telah membuktikan daya tahannya sepanjang pandemik COVID-19 dengan penambahan kontrak-kontrak baharu dalam perniagaan komersial *Healthcare Support* di Malaysia, Singapura dan Taiwan yang bernilai lebih RM900 juta, mewakili 65% daripada jumlah keseluruhan kontrak baharu Syarikat pada TK2020.

Meskipun berdepan dengan cabaran ekonomi yang tidak menentu, UEM Edgenta akan terus melaksanakan perancangan strategi bagi memastikan prestasi mampan Syarikat berdasarkan keputusan kewangannya yang kukuh pada separuh kedua TK2020. Pertumbuhan Syarikat akan bertumpukan kepada peluang-peluang yang berpotensi tinggi dalam segmen sokongan penjagaan kesihatan dan infrastruktur, yang mana akan dipacu oleh penyelesaian berasaskan teknologi yang dibangunkan oleh Syarikat pada masa hadapan.

Menurut Syahrudin, “Kesan pandemik COVID-19 pada tahun lepas ke atas perniagaan kami yang pelbagai di rantau ini telah dikaji dengan teliti dan memberi peluang untuk kami menimba pengetahuan baharu serta menganalisis data yang tepat dengan lebih mendalam agar terus cekap dan responsif. Dalam persekitaran operasi baharu ini, kami akan menyusun semula perniagaan kami supaya dapat terus berkembang dengan mampan dan mencapai penjana nilai yang dijanjikan melalui kepelbagaian penyelesaian dan telus untuk ditawarkan kepada pasaran.”

UEM Edgenta kini sedang giat menjalankan tinjauan strategik terhadap unit-unit perniagaan dan struktur korporatnya yang juga sebahagian daripada tindakan proaktif Syarikat untuk memacu penjimatan kos dan meningkatkan kecekapan merentasi semua bahagian perniagaannya. Usaha-usaha yang dilaksanakan termasuklah mengkaji data prestasi Syarikat untuk mengoptimumkan kos dan sumber-sumbernya, kecemerlangan operasi dan inisiatif penambahbaikan yang berterusan yang akan membolehkan UEM Edgenta melabur dalam peluang-peluang yang memberikan pulangan yang berterusan bagi merangsang pertumbuhan Syarikat.

“Kejayaan dalam ekonomi COVID-19 kepada syarikat dan organisasi di pasaran adalah bergantung kepada kesediaan mereka dalam mengatasi jurang digital semasa, di mana inisiatif berasaskan teknologi dan digital mampu meningkatkan kecekapan operasi yang lebih efektif. Fasa pertama produk baharu kami akan tertumpu kepada kemudahan penjagaan kesihatan secara digital untuk pengurusan penjagaan kesihatan primer. Ini pula akan diikuti dengan penyelesaian yang berasaskan teknologi dan perkomputeran awan (*cloud-based*) untuk segmen bangunan dan infrastruktur pada lewat tahun ini,” kata Syahrudin.

Bahagian *Healthcare Support* dan *Infrastructure Services* Syarikat akan menawarkan penyelesaian teknologi yang sedia ada dalam pasaran termasuk *UETrack*, *Road Asset Management System* (“RAMS”) dan lain-lain. Penyelesaian yang dibangunkan secara dalaman ini adalah hasil daripada inovasi sistemik yang dijalankan oleh para jurutera dan saintis data Syarikat, yang kini sedia untuk dikomersialkan dan berpotensi untuk digunakan dalam segmen aset, kemudahan serta industri perkhidmatan infrastruktur yang lain. Kejayaan UEM Edgenta dalam aspek ini dibuktikan melalui teknologi RAMS yang baru-baru ini telah dikomersialkan menerusi pelaksanaannya dalam pengurusan jalan raya di negeri Sarawak pada tahun lalu, menggunakan asas dan pengetahuan yang sama dalam pengurusan operasi penyelenggaraan lebuh raya.

Penyelesaian teknologi yang ditawarkan oleh UEM Edgenta pada masa hadapan untuk sektor pengurusan aset dan fasiliti bersepadu ("IFM") di Malaysia akan dicipta berdasarkan penyelesaian inovasi yang terbukti dan berjaya dilaksanakan oleh bahagian *Healthcare Support* Syarikat yang beroperasi di Singapura dan Taiwan. Penyelesaian inovasi ini juga dijangka menjadi pendorong utama dalam strategi Syarikat untuk mengorak langkah ke pasaran baharu, terutamanya di Timur Tengah di mana UEM Edgenta berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan syarikat IFM tempatan yang terkemuka yang turut menyediakan perkhidmatan dalam industri penjagaan kesihatan. Di Timur Tengah, UEM Edgenta mempunyai pangkalan operasi semasa di Dubai, melalui Operon Middle East, sebuah anak syarikat di bawah bahagian *Property & Facility Solutions*.

Usaha UEM Edgenta untuk melebarkan sayapnya ke Sarawak, Sabah dan Kalimantan akan menerajui strategi Syarikat untuk memacu pengembangan serantau, melalui projek sedia ada Opus Consultants yang terlibat dalam Projek Jalan Pesisir & Jalan Utama Kedua Sarawak. Syarikat juga turut bersedia untuk terlibat dalam kerja-kerja infrastruktur pada masa hadapan, dan menerokai peluang yang terdapat dalam segmen infrastruktur lebuhraya, jalan raya dan pengurusan aset di Semenanjung Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada komitmen UEM Edgenta untuk menyediakan penyelesaian yang mudah dan terbaik dalam menangani wabak coronavirus kepada pasaran, Syarikat juga baru-baru ini telah memperkenalkan rangkaian penyelesaian perniagaan COVID-19 menyeluruh yang memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kemuncak penyelesaian perniagaan UEM Edgenta adalah hasil daripada pengalaman Syarikat sebagai pengendali barisan hadapan utama, membantu negara menyediakan penyampaian perkhidmatan dan penyelesaian yang lancar kepada pelbagai pelanggan dalam bidang penjagaan kesihatan, harta tanah, lebuhraya, dan infrastruktur.

Sejak bermulanya pandemik COVID-19 ini, UEM Edgenta telah memainkan peranan penting sebagai pendokong utama dalam usaha pemulihan negara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuklah yang utama antaranya menyediakan *Epidemic Management System* kepada Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") dan Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis Nasional ("CPRC"), dan menawarkan fasiliti saringan COVID-19 secara pandu lalu dan di pusat-pusat saringan untuk ujian *Polymerase Chain Reaction* ("PCR") and *Rapid Test Kit* ("RTK") di kawasan Lembah Klang dan Melaka.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.